

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Machang.

**KECENDERUNGAN PENGGUNAAN BARANGAN CENDERAHATI DARIPADA
PERAK DI KALANGAN MASYARAKAT KELANTAN**

ZURAIDA BINTI YUSOF

97402860

SARJANA MUDA SENIREKA LOGAM HALUS

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN KELANTAN

18500 MACHANG

KELANTAN DARUL NAIM

Bismillahirrahmanirrahim.....

Allahamdulillah....syukur kehadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya bescerta berkat kesabaran maka terhasillah sebuah tesis yang mana diharapkan dapat dijadikan rujukan terutamanya kepada Fakulti Senilukis Dan Senireka dan Jabatan Logam Halus. Semoga ilmu pengetahuan yang dicurahkan dalam tesis ini akan menjadi salah satu sumber dalam khazanah ilmu pada masa akan datang.

Semasa kajian ini dilakukan, banyak pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi dan ia amat bernilai untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran yang diikuti. Ia merupakan asas yang penting bagi melengkapkan diri dalam menghasilkan sesuatu kajian. Selain itu juga, segala panduan dan tunjuk ajar yang diperolehi akan dapat memperluaskan lagi pemikiran dan mematangkan diri secara tidak langsung.

Akhir kata, ucapan terima kasih dan penghargaan ini ditujukan khas kepada individu-individu yang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan dan melengkapkan lagi tesis ini :-

- **DATO DR. HUSSIN @ MUHAMMAD B. ABDUL RAHMAN**

Provost UiTM Cawangan Kelantan

- **TN. HAJI DAHURI B. IDRIS**

Koordinator Senilukis Dan Senireka UiTM Cawangan Kelantan.

- **EN. NIK ABDULLAH ZAWAWI B. CHE MAT**

Penasihat Tesis (Pensyarah Pengajian Liberal Senilukis dan Senireka

- PENSYARAH SENILUKIS DAN SENIREKA UTM CAWANGAN KELANTAN
- PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UTM SHAH ALAM.
- PERPUSTAKAAN UTM CAWANGAN KELANTAN
- PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI KELANTAN
- MUZIUM NEGERI KELANTAN
- PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN KOTA BHARU, KELANTAN
- K.B. PERMAI (KARANGKRAF KELANTAN SILVERCRAFT)
- PENGUSAHA DAN PETUKANG-PETUKANG
- IBU BAPA DAN RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN

Diharapkan semoga apa yang terhasil di dalam ini akan dimanfaatkan sepenuhnya disamping dapat membantu generasi-generasi baru yang berminat untuk mengkaji mengenai ‘Kecenderungan Penggunaan Brangan Cenderahati Daripada Perak Dikalangan Masyarakat Kelantan’ pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

SINOPSIS

Kajian ini menyentuh mengenai kecenderungan penggunaan barang cenderahati daripada perak di kalangan masyarakat Kelantan yang dilihat dari segi perkembangan industri tersebut. Ini adalah kerana terdapat pelbagai tanggapan yang dibuat apabila dikatakan permintaan terhadap barang cenderahati perak ini kurang mendapat sambutan sama ada dalam organisasi kerajaan mahupun swasta serta orang perseorangan terutama di kalangan masyarakat Kelantan. Oleh itu kajian ini mengkaji sejauh mana kebenarannya disebalki tanggapan yang dibuat dan turut meninjau apakah faktor-faktor yang menyebabkan industri ini dikatakan lesu. Ekoran daripada itu, banyak maklumat diperlukan yang mana berkaitan dengan kajian ini harus dikumpulkan. Kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah daripada kajian-kajian lampau yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu untuk dijadikan panduan berkenaan kajian ini. Disamping itu, maklumat-maklumat lain juga turut diperlukan dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah data prima yang diperolehi dengan melakukan temubual terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada pengusaha dan petukang perak, sektor awam dan kerajaan serta pekedai dan pengguna di sekitar negeri Kelantan. Kaedah kedua yang digunakan ialah kaedah data sekunder yang mana maklumat diperolehi daripada kaedah pembacaan. Pengumpulan data-data maklumat daripada pelbagai sumber ini adalah perlu untuk menjawab setiap persoalan yang dikemukakan. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pengguna dalam pemilihan barang cenderahati. Oleh itu penyediaan jadual-jadual bagi membuat analisa tentang data-data tersebut adalah perlu bagi memperolehi maklumat yang tersusun. Antara faktor yang memainkan peranan besar dalam mempengaruhi pengguna dalam pemilihan tersebut ialah faktor reka bentuk barang tersebut disamping harga, saiz dan bahan yang digunakan. Disamping itu juga turut dikaji sambutan masyarakat terhadap barang cenderahati perak ini yang mana turut mempengaruhi perkembangan industri ini. Jika dilihat dari segi pengeluaran barang ini pula, ia senang diperolehi terutamanya di Kelantan yang merupakan negeri yang terbesar mengeluarkan barang perak khususnya. Namun demikian, permintaan terhadap barang ini, kini berada di tahap sederhana sahaja. Oleh itu, pihak-pihak tertentu sama ada sektor swasta atau kerajaan haruslah memainkan peranan bagi meningkatkan lagi permintaan terhadap barang cenderahati perak agar terus berkembang. Pihak media juga harus turut menyumbangkan peranan dalam memperkenalkan barang ini di mata dunia dan menyedarkan masyarakat dalam menilai kehalusan dan kesenian budaya Melayu yang tidak ternilai harganya. Kemegahan seni ukiran barang perak harus dibanggakan oleh masyarakat Melayu yang mana melambangkan keperibadian dan identiti Melayu.

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1	JADUAL 1 : PEMILIHAN BARANGAN CENDERAHATI MENGIKUT KESESUAIAN DENGAN SESUATU MAJIS	42
2	JADUAL 2 : CITARASA CARA PENGGUNA MENDAPATKAN BARANGAN CENDERAHATI PERAK	43
3	JADUAL 3 : ADAKAH CENDERAHATI PERAK MEMENUHI CITARASA PENGGUNA MASA KINNI	44
4	JADUAL 4 : FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MASYARAKAT KELANTAN DALAM PEMILIHAN BARANGAN CENDERAHATI	45
5	JADUAL 5 : SAMBUTAN MASYARAKAT TERHADAP BARANGAN CENDERAHATI DI KELANTAN	46
6	JADUAL 6 : PENGETAHUAN BARANGAN CENDERAHATI PERAK DI KELANTAN	48
7	JADUAL 7 : PERMINTAAN BARANGAN CENDERAHATI DI KELANTAN	49
8	JADUAL 8 : PEMBUATAN BARANGAN CENDERAHATI SECARA TRADISIONAL MEMPENGARUHI KUALITI DAN KUANTITI BARANGAN TERSEBUT	50